

CADANGAN PEMBANGUNAN TAMAN BOTANI JOHOR, SRI MEDAN,
BATU PAHAT, JOHOR.

NOOR AIN BT YATIMAN

Laporan Kajian Projek ini dikemukakan kepada Jabatan Senibina, Kursus Senibina
Landskap, Fakulti Alam Bina, Universiti Malaysia, sebagai memenuhi syarat
penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Senibina Landskap 2010.

APRIL 2010

ABSTRAK

Penubuhan taman botani bermula semenjak dari zaman dahulu lagi dimana ia berperanan sebagai taman yang mempamer dan menyimpan pelbagai spesies tumbuhan untuk tujuan kajian dan pembelajaran. Kajian ini merupakan usaha dari Arkitek Landskap dalam memberikan perancangan landskap dengan mengkaji dan mengenal pasti pendekatan dan kriteria yang bersesuaian dalam mereka bentuk taman botani yang boleh dijadikan sebagai ruang persekitaran luar yang menerapkan unsur pembelajaran yang menyeronokkan. Kajian rujukan telah dipilih berdasarkan kejayaan taman botani tersebut sebagai salah satu pusat pembelajaran tumbuhan yang mendapat perhatian di peringkat antarabangsa iaitu di Taman Botani Singapura, Singapura dan kajian kes di taman botani tempatan iaitu di Taman Botani Putrajaya, Malaysia. Hasil daripada kajian rujukan dan kajian kes, pelbagai maklumat berkaitan taman botani dapat dikenal pasti. Aspek- aspek yang telah di kenal pasti dan di analisis adalah aspek berkaitan dengan aspek perancangan taman botani seperti pemilihan dan susunan tumbuhan, aspek pembelajaran, sistem sirkulasi, iklim, topografi dan alam semulajadi. Dengan itu, peranan taman botani yang mengutamakan pemeliharaan tumbuhan sebenarnya menggalakkan generasi akan datang menghargainya supaya tidak ditelan zaman.

ABSTRACT

The establishments of botanical garden have been started since a century ago. The botanical garden is used to display and preserve variety of plants species for the purpose of research and educational. Thus, Landscape Architect has made an effort on this study to make a research and identify appropriate approach and criteria in order to design botanical garden as enjoyable outdoors learning spaces. Based on the mission of the botanical garden, an international level of botanical garden, Singapore Botanical Garden, Singapore has been chosen as reference study, and local botanical garden, Putrajaya Botanical Garden, Malaysia as case study. There is contrast and similarity between two studies. However, there is a lot of information that has been identified from the analysis of those studies. The aspect that has been identified is related with botanical garden planning such as the arrangement and selection of plants material, educational aspect, circulation system, microclimate, topography and ecological value. Thus, the preservation of plants is most important thing in designing botanical garden, which encourage new generation to appreciate it.